

## KHUTBAH JUMAAT

### “BERFIKIRAN POSITIF DAN TABAH, ASAS KEJAYAAN”

(6 Januari 2023M / 13 Jamadilakhir 1444H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً  
وَحُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنِّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَمِصْبَاحِ الظَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ  
سِرِّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar takwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: "**Berfikiran Positif Dan Tabah, Asas Kejayaan**".

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kini, kita telah berada di tahun baharu 2023 Masihi. Marilah kita gunakan ketibaan tahun baharu ini untuk kita menanam azam baru di dalam kehidupan. Marilah kita memperbaharui niat untuk berhijrah menjadi versi diri yang lebih baik daripada yang

sebelumnya. Kita tinggalkan segala tabiat yang menjejaskan kesejahteraan dan kebahagiaan diri serta keluarga. Kita maafkan segala salah silap yang dilakukan orang lain terhadap diri kita, agar diri ini bersih dari sifat hasad dengki. Kita tanamkan semangat yang cekat di dalam hati ini. Semuanya demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

Imam an-Nasa'ie *rahimahullah* meriwayatkan sebuah hadis daripada Sayyidina Abdullah bin Amru *radiallahu anhuma* bahawa pada suatu ketika Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* didatangi oleh seorang arab badwi (pedalaman) yang bertanya kepada baginda *sallallahu alaihi wasallam* berkaitan dengan hijrah yang paling utama. Maka Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menjawab dengan sabdanya:

(( أَنْ تَهْجُرَ مَا كَرِهَ رَبُّكَ عَزَّ وَجَلَّ ))

**Maksudnya:** *Hendaklah kamu berhijrah daripada (melakukan) apa yang tidak disukai Tuhanmu.*

Hadis tadi memberikan suatu gambaran bahawa meninggalkan amalan, tabiat dan perbuatan yang buruk, yang tidak disukai oleh Allah *subhanahu wata'ala*, adalah usaha murni yang dianjurkan. Setiap langkah yang kita ambil untuk memperbaiki diri kita, untuk membangun keperibadian diri kita sebagai seorang mukmin, adalah amal soleh dan berpahala di sisi Islam. Hayatilah firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah Asy-Syams, ayat 9 hingga 10:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

**Maksudnya :** *Sesungguhnya, berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Ketika kita meletakkan visi dan misi untuk mencapai sesuatu matlamat, pastinya perjalanan kita itu akan dipenuhi dengan pelbagai rintangan dan cabaran. Apa yang dihasratkan dan ditanamkan pada permulaan tahun ini, ada kemungkinan tidak dapat diperolehi semuanya. Namun, apakah ia bermaksud bahawa kita hanya akan berputus asa dan membiarkan impian itu dibiarkan begitu sahaja?

Janganlah mudah berputus asa, akan tetapi hargailah setiap detik dan pencapaian, walau sekecil manapun, sepanjang perjalanan kita untuk mencapai apa yang kita inginkan. Hidupkan perjalanan ini dengan semangat yang positif. Pastikan bahawa semangat ini tidak akan mudah pudar di dalam hati dan minda kita. Ingatlah kepada firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Insyirah, ayat 5 hingga 7 yang berbunyi:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾ فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ﴿٧﴾

**Maksudnya :** Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan): Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain).

Ingatlah bahawa setiap kejayaan itu terbina atas dasar usaha, kecekalan dan pengalaman serta pengajaran yang diraih daripada pelbagai bentuk kegagalan. Bak kata peribahasa " Laut mana yang tak berombak, bumi mana yang tak ditimpa hujan". Oleh sebab itu, janganlah kita terlalu memberikan tumpuan kepada aspek negatif kerana ia akan hanya menghambat pembangunan diri kita. Hayatilah hadis Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu* yang berbunyi :

(( الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ ، خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ احْرَصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ ، وَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ ، فَلَا تَقُلْ لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا ، وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ ، فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ ))

**Maksudnya:** Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah *subhanahu wata'ala* daripada mukmin yang lemah. Pada masing-masing memang terdapat kebaikan. Bersungguh-sungguhlah untuk mendapatkan apa yang bermanfaat bagimu dan mintalah pertolongan daripada Allah (dalam segala urusanmu) dan

*janganlah sekali-kali engkau merasa lemah. Apabila engkau ditimpa musibah, janganlah engkau berkata: 'Seandainya aku berbuat demikian, tentu tidak akan begini dan begitu.' Tetapi katakanlah: 'Ini telah ditakdirkan Allah, dan Allah berbuat apa sahaja yang Dia kehendaki.' Kerana ucapan seandainya akan membuka (pintu) perbuatan syaitan.*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Dalam masa kita berusaha untuk mencapai azam yang baru, jadikanlah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai contoh tauladan yang utama. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* apabila telah meletakkan satu matlamat, pastinya ia akan disusuli dengan perancangan yang rapi serta usaha yang bersungguh-sungguh. Ia kemudiannya disusuli dengan doa dan tawakkal kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Sehingga berjaya sesuatu usaha tersebut. Ini dapat kita amati sepanjang sirah kehidupan baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* daripada permulaan dakwahnya di kota Mekah, sehingga ke akhir hayatnya.

Marilah kita tanamkan azam yang baik, dan janganlah kita lupa akan firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah Aali 'Imran, ayat 159:

... فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

**Maksudnya** : ... Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakkal kepada-Nya.

Serahkan hasil daripada usaha gigih kita itu kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Berdoalah kepada Allah *subhanahu wata'ala* serta mohonlah bantuan daripada-Nya, agar setiap hari menjadi lebih baik daripada semalam, dan hari esok pula akan sentiasa menjadi lebih baik daripada hari ini.

Semoga Allah *subhanahu wata'ala* meningkatkan keyakinan diri kita sebagai seorang mukmin untuk terus membangunkan akhlak budi pekerti yang indah serta tidak menjadikan sebarang rintangan yang datang sebagai penghambat kejayaan yang ingin kita semua dikecapi. Amin. Ya Rabbal 'Alamin.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Sebagai rumusan bagi khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa perkara berikut, antaranya :

**Pertama** : Umat Islam dianjurkan agar sentiasa mempunyai azam dan berusaha untuk berhijrah ke arah yang lebih baik daripada yang sebelumnya.

**Kedua** : Setiap usaha yang diambil untuk memperbaiki dan membangun keperibadian diri kita sebagai seorang mukmin, adalah amal soleh dan berpahala di sisi Islam.

**Ketiga** : Umat Islam hendaklah menjadikan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai contoh tauladan yang utama dalam setiap perkara.

Mengakhiri khutbah pada minggu ini marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 201-202:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ ﴿٢٠١﴾ أُولَئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٢٠٢﴾

**Maksud** : Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka. Mereka itulah yang akan mendapat bahagian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan; dan Allah amat cepat hitungan-Nya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada musim tengkujuh ini, mimbar menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mengikuti nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti. Pada masa yang sama, kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا





اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
 عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
 وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
 الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah

keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ.  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.